

Jalan, lebuh raya utama dikawal melalui elektronik

KUALA LUMPUR 15 Okt. -

Jalan dan lebuh raya utama di Malaysia mungkin tidak lama lagi akan dikawal melalui elektronik untuk melancarkan aliran trafik sementara kenderaan sehingga yang paling kecil, boleh dipasangkan dengan 'Sistem Peletakan Global (GPS) untuk memberikan panduan kepada pemandu ke destinasi mereka.

Idea itu mungkin dilihat tidak meyakinkan di Malaysia, sekurang-kurangnya untuk sekarang, tetapi bagi Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu (**gambar**), ia mungkin boleh dengan pelaksanaan Pelan Induk Sistem Pengangkutan Pintar (IRS) tidak lama lagi.

"Kita sedang mengkaji untuk menggunakan ITS dalam aspek yang lebih besar. Kini ia lebih kepada dasar ad hoc seperti sistem pungutan tol elektronik dan petunjuk mesej pelbagai (VMS)," katanya membeberitahu Bernama hari ini.

Samy Vellu mengetuai 10-anggota delegasi ke Kongres ITS Dunia ke-13

Selama lima hari di London. Anggota delegasi itu termasuk Ketua pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia Datuk Mohd Noor Yaakob, Pengarah Unit Perancangan Lebuh raya, kementerian itu Amir Kassim, Pengarah Urusan PLUS Berhad Datuk Idrose Mohamad dan beberapa tokoh perniagaan.

Sementara sistem GPS yang banyak didapati di kebanyakan kenderaan berkuasa tinggi di Malaysia, penggunaannya belum lagi diterima dengan meluas kerana kekurangan infrastruktur teknologi.

"Ini akan diatasi sebaik sahaja kita ada Pelan Induk ITS," katanya tanpa memberikan tarikh tetap untuk pelaksanaannya.

Samy Vellu, yang juga Pengerusi Majlis ITS, berkata Pelan Induk ITS bertujuan membangunkan satu "Pelan Damai" yang komprehensif ke arah menyediakan hala tuju dan rangka kerja untuk penerangan permohonan ITS di Malaysia dalam masa 10 tahun akan datang.

Pelan itu juga diadangkan empat

Kita sedang mengkaji untuk menggunakan ITS dalam aspek yang lebih besar

S. SAMY VELLU
Menteri
Kerja Raya

fokus strategi dalam Program Penerangan, iaitu pengenalan projek ITS yang diadangkan, peletakan koridor dan pengenalan projek, pengenalan projek strategik, peletakan koridor ITS kebangsaan dan pengenalan bidang keutamaan untuk meningkatkan penerangan ITS.

Alat ITS termasuk lampu isyarat penyalaras elektronik pada lampu jalan, tanda makluman pelbagai yang besar, tanda pelbagai dengan saiz besar untuk memaklumkan kepada pemandu mengenai keadaan, jalan di hadapan, bentuk jalan semula, alat GPS di kereta dan trak serta penyiar radio menghebahkan keadaan jalan.

"Teknologi ini boleh berkesan di

jalan tempatan, di tengah pusat bandar serta maklumat berkaitan lebuh raya," kata beliau.

Samy Vellu juga berkata, Malaysia kini dalam proses merangka Sistem Arkitek ITS.

"Ia akan menjadi pelan induk yang disediakan awal, elemen mengenai sistem tersebut, elemen sistem itu dan menjelaskan bagaimana mereka akan digabungkan untuk mencapai sasaran pembangunan ini," tambah beliau.

- Bernama